



Ruj. Tuan : -  
Ruj. Kami : JPNJ.600-3/2/17 Jld.4( 92 )  
Tarikh : 28 Jun 2023

**Setiausaha**  
**Young Buddhist Association of Malaysia**  
No. 9, Jalan SS25/24, Taman Mayang  
47301 Petaling Jaya  
Selangor

Tuan,

**MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGLIBATAN MURID DALAM  
PERTANDINGAN PENGETAHUAN AM KEAGAMAAN BUDDHA TAHUN 2023  
BAGI MURID SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH BAWAH KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN MALAYSIA ANJURAN YOUNG BUDDIST ASSOCIATION OF  
MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Jabatan Pendidikan Negeri Johor **tiada halangan** untuk murid sekolah rendah dan menengah negeri Johor untuk menyertai program tersebut dengan syarat:

- 2.1 semua murid yang terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 2.2 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran dari ibu bapa/ penjaga;
- 2.3 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)/ Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR)/ program/ aktiviti sekolah;
- 2.4 pihak penganjur **bertanggungjawab menguruskan hebahan** dan memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 2.5 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 2.6 sekiranya sekolah yang dijemput mempunyai program pada hari cuti hujung minggu, pihak penganjur perlu memberikan laluan murid yang terlibat untuk mengikuti program sekolah;
- 2.7 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri Johor, Pejabat Pendidikan Daerah Negeri Johor, sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);


- 2.8 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar;
- 2.9 pihak penganjur hendaklah memberikan penerangan yang jelas tentang program ini kepada semua yang terlibat dan menepati tatacara pemakaian yang digariskan oleh KPM agar tidak menimbulkan sebarang implikasi negatif daripada program yang dijalankan; dan
- 2.10 pihak penganjur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni dapat dijadikan sebagai salah satu perkara yang wajib dilaksanakan sebelum/ semasa/ selepas program berlangsung bagi mendokong elemen tadbir urus insan (*Human Governance*) dalam kalangan murid sekolah di bawah KPM (seperti pemupukan integriti, bersikap jujur, amanah, hormat antara satu sama lain, sifat jati diri terpuji, beretika, bertimbang rasa, adab yang baik dan lain-lain).
3. Sebarang pertanyaan, pihak tuan boleh berhubung dengan **Encik Isfandi Adi bin Ahmad**, Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid, JPN Johor di talian **019-6404281** atau menerusi e-mel [isfandi.ahmad@moe.gov.my](mailto:isfandi.ahmad@moe.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**( MUSA BIN ATAN )**

Ketua Penolong Pengarah Pembangunan Bakat Murid  
Sektor Pembangunan Murid  
b.p. Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri Johor

- s.k. : 1. Pengarah Pendidikan Negeri Johor  
2. Pegawai Pendidikan Daerah, PPD Negeri Johor

*adi/kebenaran/permohonan*